

Soalan No: 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 23.11.2017

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan tahunan yang telah diperuntukkan bagi setiap sekolah untuk tujuan penyelenggaraan prasarana sekolah seperti bilik darjah, kemudahan kerusi meja dan memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam keadaan yang selesa dan selamat; dan
- (b) apakah hukuman dan tindakan tegas yang dikenakan terhadap guru mahupun kakitangan sekolah sekiranya didapati melakukan kesalahan tata tertib dan keruntuhan akhlak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan peruntukan kepada setiap sekolah berdasarkan permohonan dan keutamaan pelaksanaan kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Pada tahun 2017, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kecil dan pemagaran sebanyak RM7.9 juta bagi institusi pendidikan di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.382 juta melibatkan 12 institusi pendidikan di bawah Parlimen Bintulu.

B

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mengikut Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993 [P.U(A) 395/1993], pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan boleh, jika ia mendapati seseorang pegawai bersalah kerana melanggar mana-mana peruntukan Peraturan di bawah P.U(A) 395/1993, mengenakan ke atas pegawai itu mana- mana satu daripada hukuman yang berikut atau apa-apa gabungan dua hukuman atau lebih:

- (a) amaran;
- (b) denda;
- (c) lucut hak emolumen;
- (d) tangguh pergerakan gaji;
- (e) turun gaji
- (f) turun pangkat; atau
- (g) buang kerja.